

Ngah Ibrahim dikebumikan di Singapura – Sulaiman

UM- 5/9/2006

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Pejabat Orang Besar Jajahan (OBJ) Larut, Matang dan Selama mengesahkan pahlawan Melayu, Datuk Ngah Ibrahim telah dikebumikan di Singapura.

Menurut Sulaiman Mahmud, Setiausaha kepada Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad, OBJ Larut, Matang dan Selama, bahawa Ngah Ibrahim meninggal dunia pada 4 Februari 1895 dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Al-Junid, Singapura.

Katanya, maklumat itu berdasarkan buku sejarah yang ditulis oleh seorang ahli sejarah Wee Choon Siang diterbitkan pada 1952.

"Dalam buku itu, Choon Siang menyebut bahawa pahlawan Melayu Perak itu meninggal dunia di Singapura dan dikebumikan di republik tersebut," katanya.

Sulaiman berkata, perkara itu kemudian disahkan oleh Pengarah Muzium Seni Asia Universiti Malaya, Prof. Dr. Othman Yatim.

"Pejabat OBJ Larut, Matang dan Selama menggunakan sumber itu (Choon Siang) sebagai maklumat rasmi mengenai tarikh dan tempat Ngah Ibrahim dikebumikan," tambah beliau.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan seorang lelaki mengaku dirinya anak bongsu kepada Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim dan mendakwa pahlawan Melayu itu mati dan dikebumikan di

Kampung Dendang dekat Beruas dan bukannya di Singapura seperti yang tercatat dalam sejarah.

Yacob Ngah Ibrahim, 80, yang mendakwa mempunyai salasilah keturunan Ngah Ibrahim berkata, dia berumur 10 tahun ketika Ngah Ibrahim meninggal dunia kerana sakit tua pada tahun 1936 di Kampung Dendang.

Yacob mendakwa Ngah Ibrahim tidak mati di Singapura pada 1895 tetapi melarikan diri ke Johor dengan bantuan saudaranya, Panglima Sameon yang membantunya balik bertemu saudara di Kampung Tepus, Tanjung, Belanja, Parit sebelum berkahwin dengan ibunya, Pahtamah Alang Palit.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan jenazah dua pahlawan Melayu yang pernah membantu Datuk Maharajalela menentang British pada Perang Perak 1891, Ngah Ibrahim dan Laksamana Mohamad Amin akan dibawa pulang dari Singapura untuk dikebumikan semula di negeri itu pada 9 Sept ini.

Jenazah Ngah Ibrahim akan dikebumikan semula di Kota Ngah Ibrahim berhampiran Masjid Matang, Taiping manakala jenazah Mohamad Amin akan disemadikan di Makam Diraja, Bukit Chandan.

Jenazah mereka akan dibawa pulang dengan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Laksamana.